



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

## **SIARAN MEDIA**

### **PELAWAAN PENAJAAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) TAHUN 2023**

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa warga negara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon **Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Tahun 2023** bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana (Penyelidikan) atau Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Sains dan Teknologi, Ekonomi, Undang-Undang atau Kewangan Islam di institusi pengajian tinggi tempatan atau universiti terkemuka dunia.

Pemohon boleh melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal <https://esilav2.jpa.gov.my> mulai **30 Januari 2023 sehingga 3 Mac 2023**. Borang permohonan yang lengkap berserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dihantar dan diterima oleh pihak JPA **sebelum atau pada 10 Mac 2023** sama ada melalui serahan tangan atau pos.

Syarat-syarat permohonan BYDPA Tahun 2023 adalah seperti berikut:

- i) **Warganegara Malaysia;**
- ii) Berumur **tidak melebihi 35 tahun** pada 1 Januari 2023;
- iii) Mempunyai keputusan akademik yang amat cemerlang di peringkat pengajian:
  - (a) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau yang setaraf dengannya bagi **calon Sarjana**; atau
  - (b) Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau yang setaraf dengannya bagi **calon Ph.D**;
- iv) Telah **mendapat tawaran tanpa syarat (unconditional offer) bagi pengajian secara sepenuh masa** pada tahun 2023 di institusi pengajian tinggi tempatan atau universiti terkemuka dunia yang disenaraikan oleh JPA; atau

Telah **memulakan pengajian secara sepenuh masa** pada tahun 2023 di institusi pengajian tinggi tempatan atau universiti terkemuka dunia yang disenaraikan oleh JPA;

- v) Pengajian bagi peringkat Sarjana adalah **secara mod penyelidikan sahaja** yang mewajibkan penyediaan kertas penyelidikan, disertasi atau tesis;
- vi) Terlibat dalam **penghasilan kerja-kerja kreatif dan inovatif** seperti penulisan, reka cipta seni atau teknologi dan sebagainya iaitu:
  - (a) **Calon Sarjana**: Penglibatan calon secara aktif adalah satu kelebihan;
  - (b) **Calon Ph.D**: Penglibatan calon adalah wajib (calon tiada penglibatan dianggap tidak memenuhi syarat dan tidak akan disenarai pendek untuk temu duga);
- vii) Keutamaan akan diberikan kepada calon yang aktif dalam kegiatan ko-kurikulum/aktiviti kemasyarakatan.

Permohonan yang memenuhi syarat serta melepasi saringan lanjut pihak JPA sahaja akan disenarai pendek untuk menghadiri temu duga.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai penawaran ini, sila layari portal <http://esilav2.jpa.gov.my> atau hubungi talian **03 – 8885 3053 / 3571** pada setiap hari bekerja (**9.00 pagi hingga 5.00 petang**) atau e-mel kepada [penawaranldp@jpa.gov.my](mailto:penawaranldp@jpa.gov.my).

**####**

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 2 Februari 2023

E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)

No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (44)